

PENANAMAN LADA

Penyediaan & Penanaman

Penyediaan Tanah

TANAH SESUAI

Tanah liat berpasir berwarna kuning kemerahan (*Red Yellow Podzolic*).

- Kaya dengan organik.
- Kaya dengan kandungan nutrien dan zat galian.

TANAH TIDAK SESUAI

Tanah Berpasir (*Sandy Loam*).

- Tidak sesuai & masam (pH 2.0 – 3.0)
- Kesukaran mendapatkan bekalan air pada musim kemarau.

Tanah Gambut (*Peat Soil*).

- Tidak sesuai disebabkan air bertakung.

Pembersihan Tanah

Bermula dengan menebas, menebang, membakar dan membuang tunggul kayu untuk mengurangkan berlakunya **Penyakit Akar Putih** (*White Rot*).

Selalunya dilakukan musim panas (Mei - Ogos).

Jarak Tanaman



Tanpa Penutup Bumi

1.8m X 2.4m atau 2.1m X 2.1m.

Penutup Bumi (*Centrosema Pubescens*)

2.0m X 3.0 m dengan jarak antara barisan sepanjang 1.5m

Penutup Bumi (*Arachis Pintoi*)

2.0m X 2.4m atau 2.4m X 2.4m

Busut / Bakut



Saiz busut/ bakut yang sesuai adalah 20cm (8 inci) tinggi X 90cm (3kaki) lebar.

Mengurus Kemasaman Tanah



Penggunaan *Dolomite* untuk mengurangkan kemasaman tanah.

- Tabur 0.5 – 1.0 kg setiap bakut.
- Tanam lada 3 minggu selepas penaburan.

Lindungan (Shade)




Keratan yang baru ditanam perlu dilindungi bertujuan untuk mengekalkan kelembapan & mengelak pendedahan kepada kepanasan.

Menggunakan paku-pakis/ lalang dan *shading net*.

Penanaman Keratan



Mengambil keratan.



Keratan 5 buku.



Buku 5 berada di atas paras tanah.

Buku 4 sama dengan paras tanah.

Buku 1 hingga buku 3 ditanam dalam tanah dengan sudut 30 hingga 35 darjah (20 hingga 25 darjah untuk Semenggok Aman).

Kriteria Pemilihan Pokok Induk

- Keratan diambil dari pokok lada muda (berumur di antara 1-2 tahun).
- Mempunyai banyak akar pada buku-buku yang terlibat.
- Sihat dan bebas dari serangan serangga, penyakit & kekurangan zat.
- Penanaman satu arah bagi memudahkan pembajaan.

Tiang Sokongan

Tuat/Sokongan Buat

- Kayu belian.

Tahan anai-anai, jangka hayat hingga 20 tahun. 2.5m - 3.7m (8-12) kaki tinggi dan 0.6m (2kaki) ke dalam tanah.

Tuat/Sokongan Hidup

- *Grilicidia*.

Penanaman keratan batang lurus.

Garis pusat 4 cm - 5cm dan tinggi 2.2m - 2.4m (7-8 kaki) Pokok lada digalakkan menalar setinggi 2m. Tuat hidup perlu dipangkas setiap 2 - 4 bulan.

- Buan.
- Dedap.



Pemuliharaan Tanah

Penanaman Tanaman Penutup Bumi



Arachis Pintoi

Keratan 15 cm ditanam diantara tanaman lada.



Centrosema Pubescens

3 atau 4 biji di dalam lubang sedalam 2.5cm. Jarak lubang 10cm di antara setiap baris.

2 barisan yang selari di antara jarak 3m kawasan lada.

Barisan hendaklah merentang lereng tanah kira-kira 1.3m daripada barisan pokok lada.

Tanaman kontan dan tanaman yang mempunyai nilai ekonomi juga disyorkan sebagai tanaman penutup bumi.

Tujuan penanaman :


- Mengurangkan hakisan tanah.
- Memperbaiki struktur tanah.

Basmis rumpai secara menyeluruh sebelum menanam.

Hampar plastik hitam di antara bakut.

Tebuk lubang pada jarak sejajar dan tanam tanaman penutup bumi.

Jenis tanaman tutup bumi tertakluk pada kecerunan dan keadaan tanah.



Saliran & Perparitan

Bertujuan sebagai pengaliran lebih air dan mengurangkan risiko penyakit..

- Dalam X Lebar = 60cm X 60cm.
- Parit pemisah di setiap 5-6 baris dihubungkan dengan parit utama.